

29/01/1998

Musyawarah diatur elak pertandingan

Nasir Hassan

KOTA BHARU, Rabu - Badan Perhubungan Umno Kelantan akan menggerakkan usaha ke arah mewujudkan musyawarah bagi memastikan semua jawatan Ketua Umno Bahagian di negeri ini tidak dipertandingkan dalam pemilihan Mac ini.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Annuar Musa, berkata proses musyawarah itu akan berjalan terus menerus bagi memastikan kata sepakat dicapai, sebelum bermulanya mesyuarat di peringkat cawangan dan bahagian.

Menurutnya, urusan itu akan dikendalikan oleh Jawatankuasa Pengurusan Perhubungan Umno Negeri yang dipengerusikannya dan bekerjasama dengan Biro Politik Umno di peringkat bahagian.

Beliau berkata, kenyataan itu selaras dengan saranan Presiden Umno, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang meminta pemilihan parti di peringkat bahagian pada Mac ini dilakukan secara rundingan, bukan pertandingan.

"Saya harap semua pihak tidak menambah kegawatan sebaliknya sedia untuk bertolak ansur. Saya yakin semua ketua bahagian di negeri ini menerima sepenuhnya pandangan Presiden parti itu," katanya.

Annuar berkata demikian dalam sidang akhbar di kediamannya di Bukit Marak, dekat sini, sebagai menjelaskan keputusan Perdana Menteri Isnin lalu, yang mengarahkan semua jawatan Ketua Umno Bahagian di negeri tidak dipertandingkan bagi menjaga perpaduan dan keutuhan parti.

Beliau berkata, kenyataan tiada pertandingan itu tidak harus disalah tafsir sebagai usul Ketua Bahagian untuk menjaga kedudukan mereka, sebaliknya lahir daripada hasrat Dr Mahathir untuk melihat Umno kuat dan terus utuh.

Sehubungan itu, beliau mahu semua pihak menghentikan pelbagai bentuk kempen dan mengelakkan daripada menyalah tafsir keputusan parti berhubung isu pemilihan itu.

(END)